

MAHATHIR

1977

KUALA LUMPUR, 5 FEB. (BERNAMA) -- DR. MAHATHIR MOHAMED BERKATA KERAJAAN AKAN MENAMBAHKAN PERUNTUKAN BAGI MENJAGA JALAN KERAJAAN NEGERI DARI \$5,000 KEPADA \$6,200 SEBATU.

TUNGGAKAN UNTUK PERBEDZAAN ITU AKAN DIMULAKAN DARI TAHUN 1974, KATA TIMBALAN PERDANA MENTERI ITU.

BELIAU BERKATA DEMIKIAN KEPADA PARA PEMBERITA SELEPAS MEMPE-NGERUSIKAN MESYUARAT MAJLIS KEWANGAN NEGARA DI BANGUNAN PARLIMEN HARI INI

BELIAU JUGA MEMBERITAHU MESYUARAT TERSEBUT TELAH MEMBUAT SATU SISTEM PEMBAYARAN KADAR PERKEMBANGAN HASIL UNTUK KERAJAAN-KERAJAAN NEGERI.

BELIAU MENERANGKAN, KALAU HASIL MENINGKAT LEBIH 10 PERATUS SETAHUN, LEBIHNYA ITU AKAN DIBAHAGIKAN KEPADA KERAJAAN-KERAJAAN NEGERI.

KATANYA 50 PERATUS DARIPADA TAMBAHAN ITU AKAN DIBERIKAN MENGIKUT KADAR YANG SAMA DAN 50 PERATUS LAGI AKAN DIBERIKAN MENGIKUT BILANGAN PENDUDUK NEGERI. -- BERSAMBUNG 1525/SZ

EE

B560

MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR

BELIAU BERKATA MESYUARAT ITU TELAH JUGA MEMBINCANGKAN MENGENAI PENGELUARAN DARIPADA TABUNG SIMPANAN NEGERI UNTUK NEGERI-NEGERI YANG BERKURANGAN WANG.

KATANYA KERAJAAN NEGERI BOLEH MENGGELUARKAN WANG DARIPADA TABUNG TERSEBUT UNTUK KEGUNAAN KERAJAAN NEGERI ATAU PUN MEMULANGKAN WANG PINJAMAN DARI KERAJAAN PUSAT.

MESYUARAT ITU TELAH DIHADIRI OLEH MENTERI KEWANGAN, TENGGU RAZALEIGH HAMZAH DAH KETUA-KETUA MENTERI KECUALI TAN SRI OTHMAN SAAT DAN DATUK HARRIS SALLEH. -- BERNAMA 1530/SZ

cc